



Jabatan Pengarah Urusan
Amanah Ikhtiar Malaysia
No.3, Jalan Cempaka SD12/1A
Bandar Sri Damansara PJU9
52200 Kuala Lumpur
Telefon : 03 6274 8808
Faks : 03 6274 8809
E-mel : jpu@aim.gov.my

Rujukan Kami : AIM/JPU/300-02/1(01)
Tarikh : 24 MAC 2020

Kepada:

**SEMUA WARGA KERJA
AMANAH IKHTIAR MALAYSIA
Melalui Penyelia Masing-Masing**

**PEKELILING JABATAN PENGARAH URUSAN
BILANGAN 1, TAHUN 2020
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI AMANAH IKHTIAR MALAYSIA ('AIM') BAGI
MEMBANTU PEMINJAM-PEMINJAM AMANAH IKHTIAR MALAYSIA ('SAHABAT AIM')**

Tuan-Tuan/Puan-Puan,

TUJUAN

Pekeliling ini disediakan untuk memaklumkan pelaksanaan **Pakej Rangsangan Ekonomi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi Membantu Peminjam-Peminjam Amanah Ikhtiar Malaysia (Sahabat AIM)** yang terkesan akibat dari penularan virus COVID-19 yang melanda negara dan seluruh dunia ketika ini. AIM sangat prihatin terhadap kesan negatif yang diakibatkan oleh penularan wabak COVID-19 yang telah menjejaskan aktiviti-aktiviti ekonomi Sahabat AIM. **Pakej Rangsangan Ekonomi** ini adalah kerjasama AIM dengan **Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Bhd (Koop Sahabat)** untuk memastikan risiko ekonomi akibat penularan wabak COVID-19 dapat ditangani dengan berkesan.

LATAR BELAKANG

Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020, ramai Sahabat AIM yang akan terjejas perniagaan dan pendapatan mereka kerana tidak dibenarkan beroperasi. Untuk meringankan bebanan dan tekanan Sahabat AIM terhadap kesan daripada arahan PKP, AIM dan Koop Sahabat komited dalam membantu Sahabat AIM, khususnya, dan rakyat Malaysia, amnya, dalam menghadapi krisis ini. Sehubungan dengan ini, **AIM menawarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Peringkat AIM dan Koop Sahabat melibatkan RM682,357,904.**

PELAKSANAAN

Pakej Rangsangan Ekonomi Peringkat AIM dan Koop Sahabat meliputi perkara-perkara berikut:-

- i- Penangguhan kutipan bayaran balik mingguan membabitkan 373,815 orang Sahabat AIM melibatkan jumlah keseluruhan **RM555 Juta** tertakluk seperti berikut:
 - a. Penangguhan sehingga 30 Mei 2020;
 - b. Tiada penambahan caj dikenakan;
 - c. Semua sahabat yang mempunyai pembiayaan dengan AIM;
 - d. Semua jenis produk pembiayaan yang AIM tawarkan;
 - e. Tiada kutipan Simpanan Wajib (SW);
 - f. Tiada pembentangan pembiayaan; dan
 - g. Mesyuarat Pusat (MP) akan bermula pada 14 April 2020 tanpa melibatkan aktiviti kutipan bayaran balik dan pembentangan pembiayaan. (Kehadiran Sahabat adalah diwajibkan).
- ii- Kebenaran pengeluaran Simpanan Wajib (SW) membabitkan 373,815 orang Sahabat AIM melibatkan **RM112.5 Juta** tertakluk seperti berikut:
 - a. Pengeluaran adalah secara *one-off* sahaja;
 - b. Had maksima pengeluaran adalah RM300 sahaja; dan
 - c. Setiap pengeluaran perlu dibuat permohonan secara rasmi di MP berdasarkan prosedur sedia ada.
- iii- Penangguhan bayaran ansuran I-Lestari dan I-Usahawan Koop Sahabat selama 3 Bulan melibatkan **400 peminjam** berjumlah **RM300,000** tertakluk seperti berikut:
 - a. Sahabat perlu membuat permohonan penangguhan;
 - b. Tiada Caj tambahan dikenakan; dan
 - c. Ianya tertakluk kepada syarat-syarat Koop Sahabat.
- iv- Penangguhan Lelongan Sahabat Ar-Rahnu melibatkan 1500 peminjam/pencagar berjumlah **RM120,000** sehingga tamat tempoh PKP.
- v- Pengagihan Zakat Perniagaan Koop Sahabat berjumlah **RM621,104**, Dana Bantuan Kebajikan AIM berjumlah **RM2.6 juta** dan Dana Faedah Korporat AIM berjumlah **RM1.14 juta** kepada 17,444 orang sahabat asnaf terpilih dengan kadar RM250 seorang melibatkan keseluruhan dana berjumlah **RM4,361,104**.
- vi- Menawarkan penggunaan Carlton Hotel Koop Sahabat kepada doktor, jururawat, atendan kesihatan, jurucuci dan lain-lain *Frontliner* Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara percuma melibatkan 80 bilik selama 8 hari yang berjumlah RM76,800.
- vii- Penyediaan makanan *Ready to Eat Sahabat Retort* kepada *Frontliner* KKM sebanyak 515 bungkus.

Rujukan Kami: AIM/JPU/300-02/01(01)

**PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI AMANAH IKHTIAR MALAYSIA ('AIM') BAGI
MEMBANTU PEMINJAM-PEMINJAM AMANAH IKHTIAR MALAYSIA ('SAHABAT AIM')**

- viii- Memperuntukkan Pinjaman Tabung Kumpulan (PTK) membabitkan 10,000 orang Sahabat AIM dengan had maksima RM1,000 setiap pinjaman yang melibatkan jumlah keseluruhan **RM10 Juta**.

Kakitangan AIM akan mula bekerja seperti biasa pada 1 April 2020 atau bergantung kepada arahan semasa Pihak Berkuasa berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan.

TARIKH KUATKUASA

Pakej Rangsangan Ekonomi AIM dan Koop Sahabat ini akan berkuatkuasa serta merta berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan di atas.

Sekian, untuk makluman dan tindakan semua.

**"MEMPERKASAKAN SOSIOEKONOMI ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH MENJADI
TANGGUNGJAWAB WARGA KERJA AIM"**

Yang diamanahkan,



MOHAMED SHAMIR BIN ABDUL AZIZ
Pengarah Urusan
Amanah Ikhtiar Malaysia

s.k

- 1. Datuk Junaidah Binti Kiting**
Pengerusi, Amanah Ikhtiar Malaysia
- 2. En. Mohd Najib Bin Haji Mohd Noor**
Pengerusi, Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad